

## pascasiswazah



UMP berjaya menghasilkan pelbagai inovasi dalam bidang kejuruteraan mekanikal.



Antara pelajar peringkat pascasiswazah yang mengikuti pengujian kejuruteraan mekanikal di FKM.

# UMP tawar bantuan skim penyelidikan pascasiswazah

Oleh Meor Ahmad Nasrin Rizal Ishak  
 meor.ahmad@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bagi menarik kemauan lebih ramai pelajar pascasiswazah dan menjaga kebajikan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menawarkan dua skim bantuan kewangan kepada mereka yang layak serta cemerlang dalam pelajaran dan penyelidikan.

Bantuan ditawarkan melalui Institut Pengajian Siswazah ialah Skim Penyelidikan Sarjana (MRS) dan Skim Penyelidikan Kedoktoran (DRS) untuk pelajar semasa (tempatan dan antarabangsa) yang mengikuti program sarjana serta doktor falsafah (PhD) secara penyelidikan di UMP.

Penerima MRS memperoleh elaun bulanan RM900 selama dua tahun pengajian, manakala DRS pula RM1,200 sebulan bagi tempoh tiga tahun pengajian.

### Cabaran baharu

UMP sentiasa berusaha melaksanakan pekerja profesional melanjutkan pelajaran ke peringkat pascasiswazah, malah melalui mo sarjana dan

PhD di industri, pelajar boleh menjalankan penyelidikan mereka di industri.

Bidang penyelidikan terbabit mestilah berkaitan masalah dihadapi industri dengan pelajar akan diselia oleh pihak akademik dari UMP dan penelia berpengalaman dalam industri.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff, berkata universiti itu juga tidak ketinggalan melaksanakan inisiatif mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran baharu dalam teknologi industri.

### Penyesuaian kurikulum

Katanya, usaha itu meliputi langkah penyesuaian kurikulum secara berterusan dengan penerapan elemen Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Dalam konteks ini, beliau berkata, ramai profesional memerlukan penekanan terhadap aspek kejuruteraan mekanikal pada peringkat pascasiswazah seiring visi Malaysia untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang berbilang.

"Sehubungan itu, UMP memperkembang ilmu dan kemahiran bidang



Penyelidik FKM mencipta inovasi mesin pemotong daun mengkuang yang dapat memanfaatkan pengusaha produk berkaitan.

kejuruteraan mekanikal dengan menyediakan pendidikan terkini pada peringkat pascasiswazah yang mampu menyumbang ke arah pembangunan nasional serta global dalam pelaksanaan kompetensi kini," katanya.

### Idaman pentadbir

Sementara itu Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal (FKM), Dr Zakri Ghazali, berkata penyarah bertugas memiliki pengalaman dalam industri, termasuk jurutera profesional, manakala isi kandungan pembelajaran serta soalan peperiksaan pula turut disemak pemeriksa dari dalam dan luar negara.

"Sebagai persediaan menghadapi Industri 4.0, beberapa elemen penting berkaitan turut diterapkan



Prof Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff

dalam program pengajian seperti kecerdasan buatan (AI), algoritma, perisian simulasi dan maya, sistem sensor serta pencetak tiga dimensi (3D).

"Graduan berpeliungan mencemburi kerjaya dalam industri berasaskan kejuruteraan mekanikal, termasuk bidang perkhidmatan, reka bentuk, minyak dan gas, pembuatan (elektronik dan semikonduktor) serta pendidikan," katanya.